



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) KAMPUS SABAH
NATIONAL INSTITUTE OF PUBLIC ADMINISTRATION
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department Malaysia
Jalan Sulaman Tuaran, Beg Berkunci 2080
88999 KOTA KINABALU
SABAH

Tel : 088-483 500 (Talian Am)
: 088-483 555 (Pegarah)
: 088-483 501 (PA)
Faks : 088-473 651 (Pentadbiran)
: 088-473 648 (Latihan)
Web : www.intanbk.intan.my

Ruj. Kami : INTAN.SBH.UL (PIT) : 600 – 6/7/3 -2019 (2)
Tarikh : 30 Ogos 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri Sabah dan WP Labuan
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri Sabah dan WP Labuan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

UNDANGAN MENGHADIRI INTAN EXECUTIVE SEMINAR SERIES: "RUNNING THE SHOW WITH CONFIDENCE TAHUN 2019"

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, INTAN Kampus Sabah akan melaksanakan seminar "**Running the Show with Confidence**" pada **19 September 2019 (Khamis)** bertempat di **Auditorium Tun Datu Mustapha, INTAN Kampus Sabah**. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi ilmu mengenai pengacaraan majlis khususnya kepada penjawat awam di negeri Sabah.

3. Sehubungan dengan itu, INTAN Kampus Sabah dengan sukacitanya ingin mengundang pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mencalonkan lima (5) orang pegawai yang berminat bagi menghadiri program ini pada ketetapan seperti berikut :

Tarikh : 19 September 2019 (Khamis)
Masa : 7.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Auditorium Tun Datu Mustapha,
INTAN Kampus Sabah,
Jalan Sulaman – Tuaran, Kota Kinabalu
Atur cara : Seperti di Lampiran A

4. Yuran penyertaan sebanyak **RM30.00** bagi setiap peserta akan dikenakan dan hendaklah dibayar semasa sesi pendaftaran. Resit rasmi bayaran akan diberikan bagi membolehkan peserta membuat tuntutan di jabatan masing-masing. Makan dan minum peserta akan disediakan sepanjang seminar berlangsung.

5. Pengesahan kehadiran lima (5) orang pegawai jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan yang dipilih untuk menyertai program ini bolehlah dikemukakan kepada pihak urus setia dengan menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN B sebelum atau pada 13 September 2019 (Jumaat)**. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut berhubung perkara ini, sila berhubung dengan pegawai-pegawai berikut:


- (i) Cik Mellisa Clarice Lee, Perunding Latihan (PIT)
☎ 088 – 483630 ✉ mellisa@intansabah.intan.my
- (ii) Pn. Majlinah Abd Majid, Penolong Perunding Latihan 1 (PIT)
☎ 088 – 483624 ✉ majlinah@intansabah.intan.my
- (iii) Puan Sanisa Arib, Penolong Perunding Latihan 2 (PIT)
☎ 088 – 483635 ✉ sanisa@intansabah.intan.my

Kerjasama dan kesudian pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan memenuhi undangan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dan salam hormat.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘SENTIASA DI HADAPAN’

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD HARRIS BIN ALI)
Pengarah Wilayah
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Kampus Sabah

☎ 088 – 483500 (sambungan 501)
✉ harris@intansabah.intan.my

LAMPIRAN A

**ATUR CARA
INTAN EXECUTIVE SEMINAR SERIES: "RUNNING THE SHOW WITH
CONFIDENCE TAHUN 2019" INTAN KAMPUS SABAH**

**PADA 19 SEPTEMBER 2019
DI AUDITORIUM TUN MUSTAPHA, INTAN KAMPUS SABAH**

MASA	PERKARA
7.30 pagi	Ketibaan para peserta dan sarapan pagi
8.30 pagi-10.30 pagi	Pengenalan: Boleh dan Tidak ketika Mengacara
10.30 pagi-10.45 pagi	Minum Pagi
10.45 pagi -1.00 petang	Protokol (Salutasi, Susunan VIP, Panggilan Hormat, Penulisan Skrip)
1.00 petang-2.00 petang	Makan tengah hari
2.00 petang-5.00 petang	Praktikal: Bacaan, Intonasi, Suara dan Gaya Badan
5.00 petang	Seminar tamat

**BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN
INTAN EXECUTIVE SEMINAR SERIES: "RUNNING THE SHOW WITH
CONFIDENCE TAHUN 2019" INTAN KAMPUS SABAH**

**PADA 19 SEPTEMBER 2019
DI AUDITORIUM TUN MUSTAPHA, INTAN KAMPUS SABAH**

Pengarah
INTAN Kampus Sabah
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Jalan Sulaman – Tuaran
Beg Berkunci No. 2080
88999 KOTA KINABALU
(u.p: Encik Afnezam bin Abu Bakar

No. Faks : 088 – 473 648
E-mel: nizam@intansabah.intan.my
No. Tel : 088 – 483 500 (ext : 536)

Tuan,

Berikut adalah senarai pegawai-pegawai jabatan ini yang akan menghadiri seminar tersebut pada 19 September 2019:

BIL.	NAMA & NO KP PEGAWAI	E-MEL PEGAWAI	NO. TELEFON
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Cop Jabatan :

***MOHON FAKS ATAU E-MEL SEGERA SEBELUM ATAU PADA 13 SEPTEMBER 2019 atau
DAFTAR ATAS TALIAN DI www.iemg.intan.my**